

**TEKS UCAPAN PENUTUP**

**YANG DIPERTUA MPSP**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMUSNAHAN TEMPAT  
PEMBAIKAN AEDES & KITAR SEMULA BAHAN BUANGAN  
DENGAN KERJASAMA PEJABAT KESIHATAN DAERAH SPT,  
PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR PERMATANG NIBONG,  
SEK AGAMA AL-AMANIAH DAN SEK KEB PERMATANG  
TO'KANDU**

**PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR PERMATANG NIBONG**

**7 JULAI 2013 (AHAD)**

.....  
**Yang Berusaha Dr Rafidah bt Md Noor**  
Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah

**Yang Berusaha Sr Haji Rozali bin Hj Mohamud**  
Setiausaha Perbandaran

**Majlis Perbandaran Seberang Perai Ahli Majlis - Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Wartawan

Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan**

**Salam Sejahtera**

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk bersama-sama menghadiri Majlis Perasmian

Program Pemusnahan Tempat Pembiakan Aedes & Kitar Semula Bahan Buangan dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah SPT, Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong, Sekolah Agama Al-Amaniah dan Sekolah Kebangsaan Permatang To'kandu pada pagi ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada hadirin sekalian kerana telah sudi hadir untuk majlis perasmian ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Gotong-royong merupakan amalan murni yang diamalkan sejak dahulu lagi dan ianya patut dihidupkan semula untuk mengeratkan hubungan dikalangan masyarakat selain menjaga persekitaran bersama-sama. Program seperti ini adalah merupakan pendidikan secara tidak formal untuk mendidik anak-anak kita untuk mengurangkan bahan buangan dan menjaga alam sekitar. Kitar semula bahan buangan bukan sahaja mengurangkan sampah dihantar ke tapak pelupusan tetapi dapat menjana hasil.

Untuk tahun 2012 Pusat Pengumpulan Permatang Nibong telah Berjaya mengutip barang-barang kitar semula sebanyak:

<b>Barang</b>	<b>Berat (Kg)</b>
Botol plastik	160
Surat khabar	250

Buku dan kertas	120
Besi/logam	289
Aluminium	1
Kotak	151
Barang elektrik	51
	<b>1022</b>

### Tahun 2013

<b>Barang</b>	<b>Berat (Kg)</b>
Botol plastik	310
Surat khabar	128
Buku dan kertas	0
Besi/logam	167
Aluminium	24
Kotak	527
Barang elektrik	0
	<b>1156</b>

Daripada jumlah kutipan yang semakin meningkat menunjukkan masyarakat semakin sedar bahawa bahan buangan juga boleh mendatangkan hasil. Hasil jualan daripada bahan buangan ini akan dimasukkan ke dalam tabung kitar semula Pusat Kitar semula Permatang Nibong.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Program yang melibatkan pelbagai pihak seperti murid sekolah, penduduk kampung, Jabatan Kesihatan Daerah dan MPSP menunjukkan kerjasama yang erat antara agensi kerajaan dan masyarakat. Hasil dari program ini

kita bukan sahaja memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes namun secara tidak langsung mengurangkan pembiakan nyamuk aedes dan menjadikan masyarakat kita sihat. Ini selari dengan motto kerajaan negeri iaitu "Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang".

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan saya, ucapan terima kasih kepada Pejabat Kesihatan Daerah SPT, Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong, Sekolah Agama Al-Amaniah dan Sekolah Kebangsaan Permatang To'kandu kerana sanggup bekerjasama dengan MPSP dalam menjayakan program ini.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin kerana kesudian hadir ke Majlis Perasmian Program Pemusnahan Tempat Pembiakan Aedes & Kitar Semula Bahan Buangan dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah SPT, Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong, Sekolah Agama Al-Amaniah dan Sekolah Kebangsaan Permatang To'kandu pada pagi ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.